



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbuosi

ANALISIS CIRI DAN MAKSUD HIPERBOLA (JAKU KELANGKUNG) LIRIK LAGU POP IBAN ERA 70-AN HINGGA ABAD KE-21



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbuosi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbuosi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS CIRI DAN MAKSUD HIPERBOLA (JAKU KELANGKUNG) LIRIK LAGU POP IBAN ERA 70-AN HINGGA ABAD KE-21

ISA ANAK LEE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN MALAYSIA DENGAN PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

Fakulti Bahasa Dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iii

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana dengan izinNya tesis ini dapat disiapkan. Terima kasih kepada penyelia Profesor Madya Dr. Rosline Sandai yang tak pernah jemu memberi tunjuk ajar di sepanjang penyelidikan ini. Ribuan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah lain yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung kerana sudi berkongsi pendapat dan pandangan. Dengan peluang ini saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) khasnya Institut Penyelidikan Siswazah (IPS) dan juga Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) kerana sentiasa prihatin dengan memberi peringatan dan notis penting bagi menjamin tidak ada pelajar yang tercicir daripada apa jua aktiviti penting yang perlu atau wajib dilakukan. Akhirnya, terima kasih tidak terhingga kepada keluarga saya, rakan-rakan dan sesiapa sahaja yang menyumbang sehingga terbitnya tesis ini. Hanya Tuhan sahaja yang mampu membalas budi baik kalian semua.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Walaupun lagu pop Iban telah diperkenalkan pada penghujung tahun 50-an, namun kurang kajian dijalankan mengenai liriknya. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis ciri dan maksud hiperbola dalam empat puluh lirik lagu pop Iban era 70-an hingga abad ke-21. Hiperbola adalah ungkapan yang berlebih-lebihan untuk memperoleh kesan tertentu. Teori relevan oleh Sperber dan Wilson digunakan untuk menerangkan kerelevan sesuatu objek alam sebelum ianya diterima menjadi maksud sesuatu percakapan manakala teori stilistik mengupas sesuatu gaya bahasa. Reka bentuk kajian fenomenologi ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan deskriptif di mana teks lirik lagu sebagai bahan analisis. Dua instrumen kajian adalah analisis dokumen dan senarai semak di mana analisis data menggunakan analisis jenis tematik. Hasil dapatan analisis dokumen mendapati adanya ciri jumlah, sifat dan ukuran dengan enam unsur tersiratnya iaitu alam, haiwan, manusia, frekuensi masa, jarak dan tempoh. Enam unsur tersirat maksud pula adalah alam, manusia, tumbuhan, haiwan, budaya dan benda bukan hidup. Jumlah hiperbola lirik rendah dalam era 70-an tetapi meningkat seterusnya. Ciri jumlah jarang digunakan dalam abad ke-21 manakala ciri ukuran juga rendah dalam era 80-an hingga abad ke-21. Ciri sifat meningkat dalam era 80-an hingga abad ke-21 di mana unsur budaya pula paling tinggi dalam era 80-an hingga abad ke-21. Lagu popular *Kena Jayau Tubuh Nuan* (era 70-an) dan *Bekikis Bulu Betis* (abad ke-21) masing-masing menggunakan tema cinta. *Kena Jayau Tubuh Nuan* banyak menggunakan unsur tersirat manusia manakala *Bekikis Bulu Betis* lebih cenderung menggunakan unsur tersirat alam. Sebagai kesimpulan, kajian ini mendapati penggunaan unsur tersirat ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban bergantung kepada nilai, persekitaran dan keadaan semasa kehidupan masyarakat Iban itu sendiri. Implikasinya, penggunaan unsur tersirat ciri dan maksud dapat dijadikan sebagai panduan dan sumber rujuk terutamanya kepada masyarakat Iban untuk menghasil dan meningkatkan mutu dan kualiti lirik lagu-lagu pop Iban pada masa akan datang.





ABSTRACT

Iban pop music were introduced in the late 1950s but there was not much research on its lyric. The purpose of this research were to identify the hyperbole features, analyse the elements and to explain the differences between the features and hyperbole meanings of forty lyrics in the 70s until the 21st Century. Hyperbole is a figure of speech that involved an exaggeration of ideas for the sake of emphasis. Sperber and Wilson relevance theory used to explain the relevance of certain natural objects before being accepted as meaning in the conversation. Stylistic theory analysed the selected style of language. This phenomenological research used qualitative descriptive approach and texts to Iban songs lyrics were used as object of analysis. Analysis document were used as instruments and thematic checklist was used to analyse the data. The findings of the analysed documents indicated three hyperbole features namely the number, nature and size with nature, animals, humans, frequency of time, distance and duration as its implicit elements. The analysis also found six elements of implicit meanings namely nature, plants, humans, animals, culture and non-living things. The number of hyperbole lyrics were low in the 70s but progressively increasing later. The feature of number was seldom used in the 21st Century while the feature of size was also low from the 80s. Popular songs *Kena Jayau Tubuh Nuan* and *Bekikis Bulu Betis* in the 70s and 21st Century respectively both used the theme of love. *Kena Jayau Tubuh Nuan* uses the implied element of human beings whilst *Bekikis Bulu Betis* more inclined to the implied element of nature. In conclusion, this study discovered that the usage of implicit features and hyperbole meaning depends on the value of the environmental and the current state of the livelihood of the Iban community itself. The implication of the implicit elements and their meanings can be used as guidelines and source of reference especially to the Iban community to create, produce and improve the quality of lyrics to the Iban pop songs in the future.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN/SIMBOL	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Penerangan Topik Kajian	3
1.1.2 Hiperbola Dalam Masyarakat Melayu	4
1.1.3 <i>Jaku Kelangkung</i> Dalam Masyarakat Iban	6
1.2 Latar Belakang Kajian	9
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Soalan Kajian	16
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.7 Batasan Kajian	18
1.8 Definisi Operasional	20
1.8.1 Analisis	20
1.8.2 Maksud	20



**Muka Surat**

1.8.3 Hiperbola	21
1.8.4 <i>Jaku Kelangkung</i>	21
1.8.5 Gaya Bahasa	22
1.8.6 Muzik Pop	22
1.8.7 Retorika	22
1.8.8 Lirik	23
1.8.9 Sifat	23
1.8.10 Ukuran	23
1.8.11 Jumlah	24
1.9 Rumusan	24

BAB 2 INJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	26
2.2 Hiperbola Dalam Lirik Lagu	29
2.3 Perspektif Teori	37
2.3.1 Teori Stilistik Dalam Ciri Dan Maksud Hiperbola Lirik	38
2.3.2 Teori Relevan Dalam Ciri Dan Maksud Hiperbola Lirik	40
2.2.3 Kerangka Teori Kajian	41
2.4 Rumusan	44

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	46
3.2 Reka Bentuk Kajian	47
3.3 Sumber Data	50
3.4 Sampel Kajian	51
3.5 Instrumen Kajian	51
3.6 Analisis Data	59



**Muka Surat**

3.7 Rumusan	62
-------------	----

BAB 4 HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan	63
4.2 Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an Hingga Abad Ke-21	64
4.2.1 Sepuluh Transkrip Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an	65
4.3 Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an	79
4.3.1 Ciri Ukuran Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an	82
4.4 Sepuluh Transkrip Lirik Lagu Pop Iban Era 80-an	84
4.4.1 Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 80-an	98
4.4.2 Unsur Sifat Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 80-an	102
4.4.3 Ciri Ukuran Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 80-an	104
4.4.4 Ciri Jumlah Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 80-an	104
4.4.5 Ciri Sifat dan Ukuran Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 90-an	122
4.4.6 Unsur Tersirat Sifat Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 90-an	127
4.4.7 Unsur Tersirat Ukuran Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 90-an	130
4.4.8 Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Abad Ke-21	144
4.4.9 Rumusan Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an Hingga Abad Ke-21	151
4.4.10 Analisis Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an Hingga Abad Ke-21	152
4.4.11 Analisis Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an	153
4.4.12 Analisis Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 80-an	157



**Muka Surat**

4.4.13 Analisis Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 90-an	162
4.4.14 Analisis Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Abad Ke-21	169
4.4.15 Rumusan Analisis Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an Hingga Abad Ke-21	175
4.4.16 Perbezaan Ciri dan Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an Hingga Abad Ke-21	176
4.5 Kesimpulan Dapatan Kajian	179
4.5.1 Kaitan Dapatan Kajian Dengan Teori Stilistik dan Teori Relevan	180
4.6 Rumusan	183

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	184
5.2 Ringkasan Kajian	184
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	186
5.3.1 Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban	186
5.3.2 Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban	188
5.3.3 Perbezaan Ciri dan Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an Hingga Abad Ke-21	191
5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian	193
5.5 Sumbangan Kajian	196
5.6 Implikasi Dapatan Kajian	197
5.7 Cadangan Kajian Lanjutan	199
5.8 Kesimpulan	200
RUJUKAN	203





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4.1 Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an	83
4.2 Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 80-an	105
4.3 Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 90-an	125
4.4 Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Abad Ke-21	148
4.5 Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an	155
4.6 Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 80-an	160
4.7 Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 90-an	167
4.8 Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Abad Ke-21	173
4.9 Perbezaan Ciri dan Unsur Tersirat Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an hingga Abd Ke-21	177
4.10 Tujuh Buah Lagu Pop Iban yang Tidak Mengandungi Ciri dan Maksud Hiperbola Lirik	178
5.1 Isi Ringkasan dan Kesimpulan Dapatan Kajian	193





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Teori: Analisis Ciri dan Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban	42
3.1 Carta Analisis Dokumen Lirik Lagu Pop Iban	52





SENARAI SINGKATAN/SIMBOL

DAMA	<i>Dayak Artist and Music Association</i> (Persatuan Artis dan Pemuzik Dayak)
AMD	Anugerah Muzik Dayak
AJL	Anugerah Juara Lagu
CD	<i>Compact Disc</i>
VCD	<i>Video CD</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A1 Senarai Semak Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an
- A2 Senarai Semak Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 80-an
- A3 Senarai Semak Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 90-an
- A4 Senarai Semak Ciri Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Abad ke-21
- B1 Senarai Semak Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an
- B2 Senarai Semak Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 80-an
- B3 Senarai Semak Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Era 90-an
- B4 Senarai Semak Maksud Hiperbola Lirik Lagu Pop Iban Abad ke-21





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Lagu didefinisikan sebagai gubahan seni nada atau suara dalam urutan, kombinasi dan hubungan temporal untuk menghasilkan gubahan muzik yang mempunyai kesatuan dan kesinambungan. Nada atau suara berirama yang terdapat dalam pelbagai ragam itulah sebenarnya lagu samada dengan irungan alat muzik ataupun tidak. Memantapkan lagi definisi serta pengertian yang sedia ada, Kennedy (1996) menyatakan lagu sebagai sebuah komposisi pendek vokal dan muzik semula jadi kepada manusia. Ia dikategorikan mengikut stail dan salah satu daripada stail tersebut adalah lagu pop.

Seiring dengan dominasinya di persada muzik global, lagu pop bukan sahaja mempunyai gubahan muzik yang menarik tetapi liriknya yang bergaya dan puitis. Semi (1984) mendefinisikan lirik sebagai puisi imaginatif pendek yang mengapresiasi emosi seseorang. Sementara itu, puitis pula dertiakan sebagai bahasa yang sudah terkenal atau sedia diketahui mempunyai ciri-ciri keindahannya, daya tarikan serta diminati ramai. Antara elemen dan unsur menarik dalam lirik termasuklah ciri dan maksud dan untuk menghasilkan lirik yang puitis bukanlah kerja yang mudah. Perkataan atau gaya bahasa yang digunakan haruslah sesuai dengan tema, konsep





dan latar sebuah lagu. Jika penulis lirik memilih kata-kata yang kurang tepat, lagu tersebut akan menjadi hambar, kurang menarik dan akhirnya mungkin tidak berkesan. Sementara itu, bahasa yang menjadi lirik kepada lagu sebagai medium penyampaian terdiri daripada pelbagai gaya, ciri dan maksud.

Berkaitan dengan maksud, Mohd. Rasdi bin Saamah (2011) mendapati gaya bahasa berkias baik peribahasa maupun bukan peribahasa terbina berasaskan alam dan budaya dalam ruang lingkup kehidupan dan pemikiran sehari-hari sesebuah masyarakat. Ini bererti maksud hiperbola secara asasnya didasari oleh unsur-unsur alam semulajadi dan budaya kehidupan manusia. Dalam konteks kajian ini, kenyataan tersebut membayangkan bahawa unsur pada alam semulajadi seperti tumbuhan, haiwan dan segala yang terkandung di dalamnya diadaptasikan dalam proses pembentukan sesuatu maksud baru dan banyak terdapat pada hiperbola lirik lagu.



Penggunaan gaya bahasa hiperbola dalam lirik bermula semasa lagu tersebut diciptakan samada disedari ataupun tidak. Situasi tersebut merangkumi semua lagu yang ada di dunia ini tanpa mengira, kedudukan geografi, warna kulit atau jenis bahasa yang diinginkan. Bagi lagu pop Iban juga sama kerana konsep dan tatacara penghasilan lirik adalah sama melainkan mesej, tujuan atau mod lagu tersebut.

Penggunaan gaya bahasa hiperbola dalam lirik lagu pop Iban serentak dengan kewujudan lagu Iban pop Iban lewat tahun 50-an atau awal 60-an. Apa yang perlu ditekankan di sini adalah penggunaan hiperbola pada waktu itubelum diberi perhatian serius kerana ia digunakan secara kebetulan dan tidak dirancang atau spesifik. Kebiasaannya, terdapat juga gaya bahasa lain yang digunakan bersama-sama dengan gaya bahasa hiperbola termasuklah peribahasa, perumpamaan, metafora, personifikasi, similie dan sebagainya. Sejak akhir-akhir ini, hiperbola mulai dikaji





secara khusus atau spesifik seperti yang dilakukan dalam kajian-kajian yang lain dan kajian ini.

1.1.1 Penerangan Topik Kajian

Topik kajian ini iaitu Analisis Ciri Dan Maksud Hiperbola (jaku kelangkung) Lirik Lagu Pop Iban Era 70-an Hingga Abad Ke-21 merujuk kepada kerja-kerja mengupas dan merungkai segala fenomena unsur, item, elemen serta perkara-perkara lain yang terkandung dalam ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban. Dalam pada itu, perkara utama yang diberi fokus adalah unsur-unsur tersirat. Unsur tersirat dalam ciri dan maksud hiperbola lirik merupakan perkara implisit yang amat menarik dan seharusnya diberi perhatian khusus dalam kajian. Unsur tersirat yang menjadi intipati utama kepada penghasilan lirik lagu pop Iban bukanlah sekadar kata-kata biasa tetapi mengandungi pernyataan dan gambaran tentang budaya dan kehidupan sebenar masyarakat Iban. Dengan kata lain, hiperbola lirik lagu pop Iban adalah cerminan hidup masyarakat Iban. Denga kata lain, lirik adalah terjemahan imej kehidupan masyarakat Iban yang oleh ditonton oleh sesiapa sahaja di dunia ini. Oleh hal yang demikian, penghasilan lirik haruslah dilakukan secara berhati-hati.

Menyedari pentingnya gaya bahasa hiperbola dalam lirik, maka kajian ini direka khas untuk menganalisis ciri, maksud dan perbezaan ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban era 70-an hingga abad ke-21. Ia diharapkan dapat meningkatkan lagi mutu dan kualiti lirik lagu pop Iban dan industri muzik Iban secara menyeluruh. Selain daripada itu kajian ini juga secara tidak langsung akan menjadi medium untuk mengangkat imej sosial masyarakat dan Bahasa Iban itu sendiri. Topik dan sub-topik yang akan dibentangkan seterusnya ini termasuklah hiperbola dalam masyarakat





Melayu, *jaku kelangkung* dalam masyarakat Iban, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan diakhiri dengan rumusan.

1.1.2 Hiperbola Dalam Masyarakat Melayu

Penggunaan hiperbola di kalangan masyarakat Melayu sama juga dengan masyarakat lain di dunia ini. Apa yang membezakan mungkin dari segi cara, masa tempat, tujuan dan juga kekerapan mereka menggunakan. Hiperbola memang diketahui mengandungi kenyataan yang agak ektrim kerana pernyataan yang berlebihan tentang sesuatu dari segi jumlah, ukuran dan sifat. Terdapat empat kecenderungan gaya bahasa hiperbola iaitu suka melebih-lebihkan sesuatu, kata-kata yang dramatis, kenyataannya yang kurang masuk akal dan pengaruh yang cukup kuat. Para karyawan menggunakan gaya bahasa hiperbola adalah bertujuan agar karya mereka dapat mencapai sasaran yang mereka inginkan. Walaupun gaya bahasa hiperbola mempunyai karektor yang agak bombastik dan terlampaui, namun ia mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu dapat membantu mencapai sesuatu objektif dengan lebih mudah dan cepat.

Berikut merupakan beberapa contoh frasa hiperbola yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu baik secara lisan maupun tulisan. Frasa hiperbola tersebut adalah *tersayat-sayat, memeras keringat, secepat kilat, membelah bumi, setinggi gunung, titik darah penghabisan, seabad tidak bertemu, setinggi langit, pusing tujuh keliling dan menggetarkan bumi*. Setiap contoh tersebut sering digunakan untuk tujuan tertentu seperti membanding, menyata, memuji, menyindir, memperli dan sebagainya. Walaupun karakter bahasanya nampak halus tetapi kesan dan impaknya sangat





mendalam, berpanjangan dan dari sudut positifnya ia akan membuatkan seseorang itu sedar akan perbuatan atau kelalaian diri mereka. Itulah kadang-kadang frasa tersebut digunakan menasihat, memotivasi, menyindir atau menegur sesiapa sahaja yang dirasakan perlu. Ia juga kadang-kadang digunakan secara spontan. Walaupun begitu, frasa tersebut lebih kerap digunakan dalam aktiviti penulisan seperti dalam karya sastera, puisi sajak atau lagu. Pada hakikatnya, ia boleh digunakan untuk apa saja aktiviti seperti acara budaya asalkan ianya bersesuaian atau tidak bercanggah dengan norma hidup masyarakat.

Jika dibandingkan antara aktiviti penulisan dengan aktiviti lisan, aktiviti penulisan adalah lebih aktif, lebih kerap dan praktikal. Keadaan ini melibatkan semua masyarakat manusia di dunia ini di mana aktiviti penulisan melibatkan skop aktiviti yang lebih luas. Gaya bahasa seperti bahasa berkias atau gaya bahasa yang lain lebih

sesuai digunakan dalam aktiviti penulisan. Ini adalah disebabkan para pengkarya mempunyai cukup masa dan ruang untuk memikirkan apa yang mereka mahu tulis dan ia berbeza dengan aktiviti lisan yang sangat singkat masa untuk berfikir sebelum menuturkannya. Gaya bahasa berkias digunakan dengan niat dan tujuan yang jelas dengan sasarannya terlebih dahulu telah dikenalpasti. Biasanya kita tidak menggunakan secara rambang atau tanpa dirancang terlebih dahulu agar ianya tidak menyinggung perasaan orang lain. Jika tersasar penggunaannya, bahasa tersebut amat buruk padahnya kerana perkara ini sangat sensitif apatah lagi dalam kehidupan masyarakat Melayu yang amat mementingkan kesopanan dan kesusilaan.

Bagi membuktikan hiperbola itu penting, wujud pula pendapat yang mengatakan bahawa gaya bahasa hiperbola ibarat perencah, pelazat rasa berbagai ramuan untuk menyedapkan lagi makanan. Dalam konteks kajian ini, kenyataan tersebut merujuk kepada kesan dan impak hiperbola dalam karya yang menggunakan khasnya





dalam lirik lagu. Ia memberi kesan yang positif dan sekaligus membantu meningkatkan kualiti serta mutu karya berkenaan. Ia juga bererti ketiadaannya sudah tentu memberi kesan kemungkinan karya tersebut menjadi hambar, kurang menarik dan tidak berkesan.

Sifat hiperbola yang suka membesar-besarkan atau menokok-tambah sesuatu cerita, individu atau situasi berkebolehan cepat menarik perhatian atau minat orang ramai. Contoh hiperbola berikut ini sering menjadi frasa kegemaran penulisan bagi menguatkan lagu impak tulisan karya mereka. Tiga frasa hiperbola tersebut adalah *jeritannya menggoncang bumi, tajam matanya membelah jiwa dan hentakan kakinya* *bagai guruh yang berdentum* begitu memberi kesan terhadap pembaca atau pendengar. Ia pasti memberi perasaan dan kesan yang berbeza daripada perkataan, frasa atau ayat biasa.



1.1.3 *Jaku Kelangkung* Dalam Masyarakat Iban

Gaya bahasa *jaku kelangkung* (Bahasa Iban) terbit daripada dua patah perkataan iaitu *jaku* dan *langkung*. Kata nama *jaku* bermaksud bahasa manakala kata kerja *kelangkung* (tambahan imbuhan awalan *ke*) adalah perbuatan menokok-tambah atau membesar-besarkan sesuatu imej, situasi, kenyataan atau cerita. Dalam *Bup Sereba Reti Jaku Iban, jaku kelangkung* didefinisikan sebagai menambah sesuatu cerita melebihi kebenaran sebenar. Sementara itu, Kamus Tribahasa Iban–Melayu–Inggeris pula menyatakan *langkung* atau *kelangkung* adalah perbuatan menambahkan sesuatu keindahan (estetik), menyebut kata-kata pujian mahupun sindiran.





Dalam realiti kehidupan sebenar masyarakat Iban, *jaku kelangkung* membawa dua maksud yang berkontra iaitu maksud positif dan negatif. Maksud positif merupakan kata-kata yang berniat tulus dan ikhlas, jujur, tidak melampau yang mencerminkan nilai dan imej yang benar-benar baik atau kudus. Bagi maksud negatif pula merujuk kepada kata-kata yang terlalu memuji atau mengampu, melampau, sehingga ada ketikanya terkesan tahap kebenaran atau keikhlasan puji-pujian tersebut. Kebiasaan kata-kata yang diucapkan secara melampau yang bukan lahir secara normal tidak boleh dianggap sebagai kejujuran atau keikhlasan malah memberi kesan yang negatif dan boleh mengaibkan.

Dalam kehidupan seharian masyarakat Iban, kata-kata yang terlalu memuji tidak begitu diperlukan kerana dianggap *ngelese* atau memperli. Sememangnya ada beberapa frasa hiperbola yang asal-usulnya lahir dari budaya hidup orang Iban.

Berikut merupakan sebahagian daripada beberapa contoh frasa hiperbola yang selalunya berlaku di rumah. Masyarakat Iban biasanya menyanjungi orang yang rajin bekerja manakala orang yang malas tidak begitu diberi perhatian malah secara negatifnya menjadi buah mulut masyarakat sekeliling. Frasa gaya bahasa hiperbola seperti *remaung rumah*, *tuai rangkah* dan *bujang ragak riang* agak popular di kalangan masyarakat Iban hingga ke hari ini.

Frasa hiperbola *remaung rumah* merujuk kepada seorang lelaki yang sihat, gagah serta bergaya di rumah tetapi malas bekerja di luar rumah. Pada zaman dahulu, mana-mana lelaki yang malas berkerja di luar rumah disebut sebagai *remaung rumah*; bermaksud hanya gah di rumah tetapi malas berkerja di luar rumah seperti ke huma, mengambil kayu api, bekerja di huma dan sebagainya. Kehidupan asal masyarakat Iban adalah menanam padi huma, memburu dan bercucuk tanam. Lelaki yang malas ini hanya gah di dalam rumah (rumah panjang) tetapi sebenarnya malas dan kurang





penghasilan. Oleh kerana itu beliau kurang disanjungi apatah lagi dihormati sebagai lelaki yang diharapkan menjadi seorang ketua atau pemimpin.

Tuai rangkah memaksudkan seorang lelaki yang telah berusia tetapi kurang berilmu atau memiliki sebarang kemahiran bekerja. Lelaki seperti ini kurang dibanggakan kerana tidak banyak menyumbang kepada masyarakatnya di rumah panjang tersebut. Bagi frasa gaya bahasa hiperbola *bujang ragak riang* pula berbeza dari *remaung rumah* atau *tuai rangkah*. Ini adalah kerana frasa *bujang ragak riang* (lebih cenderung) merujuk kepada mereka yang belum berkahwin atau bujang. *Bujang ragak riang* menunjukkan seorang lelaki yang banyak bercakap, nakal tak berakal tetapi hakikatnya dia tidak mempunyai ilmu yang berguna. Dia boleh juga diibaratkan sebagai tin kosong. Ketiga-tiga frasa gaya bahasa hiperbola di atas adakah digunakan dalam karya sastera tetapi agak jarang digunakan dalam lirik lagu pop Iban.



Dalam masyarakat Iban, *jaku kelangkung* digunakan samada secara lisan mahupun tulisan. Sebelum era 60-an, gaya bahasa hiperbola lebih banyak digunakan secara lisan berbanding dengan tulisan. Dalam interaksi seharian ia sering digunakan samada untuk menyindir, mengejek, membanding dan lebih dasyat lagi memperli. Walaupun begitu, ada kalanya *jaku kelangkung* digunakan untuk memuji atau menyanjungi sesuatu atau seseorang. Dalam situasi ini ia akan membawa maksud dan imej positif. Sebagai contoh, dalam penulisan ia sering digunakan dalam pelbagai karya khasnya dalam lirik lagu. Ia berfungsi menguatkan lagi darjah sesuatu maksud sehingga ia dapat menarik perhatian orang yang membaca atau mendengarnya.

Jaku kelangkung boleh digunakan oleh sesiapa sahaja; tidak kira tua ataupun muda asal tahu dan pandai menggunakaninya. *Jaku kelangkung* lebih kerap digunakan oleh golongan tua. Dalam tatacara percakapan, golongan tua lebih layak





memperkatakan sesuatu tentang golongan muda tetapi bukan sebaliknya. Adalah kurang sopan jika anak muda menyindir orang tua apatah lagi menggunakan *jaku kelangkung* yang bersifat mengejek atau memperli. Dalam konteks dunia masa kini, *jaku kelangkung* semakin laris digunakan dalam lirik lagu. Berikut merupakan tiga frasa gaya bahasa hiperbola *jaku kelangkung* yang membawa imej dan karakter positif iaitu *sanggup nujah bara api asal jadi enggau nuan* (sanggup pijak bara api asal dapat hidup bersamamu), *gamal nuan bajik baka Kumang* (rupamu cantik umpama Kumang - Ratu Dewa) dan *seribu taun sanggup aku nganti* (seribu tahun sanggup ku tunggu). Frasa tersebut sangat banyak digunakan dalam lirik lagu pop Iban khasnya lagu-lagu yang berunsurkan cinta seperti lagu balada.

1.2 Latar Belakang Kajian



Di Sarawak lagu pop Iban mula dirakamkan pada penghujung tahun 50-an oleh Radio Sarawak. Sebahagian daripada lagu yang dirakamkan merupakan komposisi tempatan manakala yang lainnya lagu saduran daripada lagu pop Inggeris, pop Melayu Malaysia-Indonesia, Hindustan dan sebagainya. Lagu saduran diertikan sebagai lagu di mana lirik dan melodinya diambil dari orang dan bahasa lain dan dinyanyikan dalam bahasa lain oleh penyanyi lain. Biasanya penyaduran sesebuah lagu terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada penyanyi asal atau syarikat yang mempunyai hak cipta lagu tersebut. Secara umum, rasional penyaduran sesebuah lagu adalah kerana ia dapat melonjakkan nama seseorang penyanyi itu dengan cepat. Walaupun begitu, penyaduran lagu oleh artis rakaman Iban di Sarawak ketika itu bukanlah hendak mencari populariti pantas tetapi oleh kerana mereka terlebih dahulu terpengaruh dengan muzik luar khasnya muzik rock & roll dari The Beatles, muzik pop





yeh-yeh khususnya dari artis 60-an di Semenanjung Malaysia, Hindustan dan sebagainya.

Perlu dinyatakan di sini bahawa tujuan hakiki rakaman lagu pop Iban pada ketika itu adalah untuk hiburan umum. Ini adalah kerana kebanyakan orang Iban pada waktu itu tinggal di kawasan pedalaman Sarawak. Mereka banyak bergantung kepada radio sebagai sumber berita dan hiburan. Dari segi hubungan mereka dengan masyarakat luar juga terhad kerana pada masa itu jalan raya dan sungai belum dalam keadaan yang baik seperti sekarang ini. Oleh kerana itu, maklumat dari luar mahupun pergerakan mereka ke luar kawasan juga terbatas. Lazimnya, mereka yang dipilih untuk merakamkan lagu adalah mereka yang memang ada bakat asal, pernah memenangi pertandingan nyanyian atau mereka yang aktif bermain muzik seperti dalam kumpulan kugiran.



Dalam tahun 60-an dan 70-an, radio memainkan peranan penting kepada masyarakat Iban. Ia menjadi sumber utama berita dan hiburan baik dari dalam maupun luar negeri. Pada waktu itu tiada sumber perhubungan lain selain daripada radio yang dapat menyalurkan info hiburan atau berita. Dari radiolah mereka berpeluang mendengar lagu dan muzik terkini. Bertitiktolak daripada itu penggiat seni muzik di Sarawak dapat menambahkan lagi pengetahuan mereka tentang perkembangan terkini dunia hiburan global. Keadaan ini telah membuka mata dan merangsang minat mereka dalam arena muzik tempatan termasuk industri rakaman.

Perkembangan lagu pop Iban pada awal tahun 70-an telah menarik minat beberapa buah syarikat rakaman tempatan seperti Nanyang Company dan South East Asia Radio & Records untuk merakamkan lagu Iban ke dalam piring hitam dan kemudiannya kaset. Pada fasa ini, semua lagu yang dirakamkan adalah untuk





dikomersialkan. Perkembangan lagu pop Iban semakin pesat apabila melangkah ke era 80-an dan 90-an dengan kewujudan beberapa genre muzik baru. Ia secara tidak langsung telah menambahkan lagi aliran muzik perdana Iban (*Iban main-stream music*) yang sedia ada seperti *twist*, *beguine*, *ago go*, *rock and roll* dan *country*. Selain bertambahnya genre muzik baru, teknologi baru di studio rakaman juga turut bertambah dan telah mempengaruhi perkembangan industri hiburan. Bermula dari tahun 90-an lagu pop Iban bukan sahaja dapat didengar di negara ini malah di seluruh dunia melalui internet, *Youtube* serta saluran-saluran yang lain tanpa batas.

Sebagai tanda kemuncak kepada kepesatan perkembangan lagu pop Iban, Persatuan Artis Dan Pemuzik Dayak (DAMA) telah menganjurkan satu anugerah muzik iaitu Anugerah Muzik Dayak (AMD) yang julung kali pada tahun 2010. Konsep anugerah tersebut adalah sama dengan Anugerah Juara Lagu (AJL) yang dianjurkan oleh TV3. Pelbagai kategori turut dipertandingkan dan salah satu daripada kategori tersebut ialah Kategori Lirik Terbaik. Dalam kategori ini, kriteria yang diberi fokus adalah kepuisan lirik yang melibatkan penggunaan bahasa berkias dan juga gaya bahasa yang lain termasuk hiperbola.

Berikut merupakan sebahagian contoh lirik-lirik puitis yang menarik perhatian penulis lirik. Walaupun begitu, bukan bererti hanya lirik tersebut yang dikategorikan baik atau berkualiti tetapi hiperbola lirik seumpama itu cepat menarik perhatian pendengar dan para penulis lirik lagu pop Iban. Antaranya termasuklah *biar aku begadai nyawa* (biarku berkorban nyawa), *sanggup nempuh ribut enggau ujan* (sanggup menempuh ribut dan hujan) dan *nadai utai ulih nyerara tua* (tiada yang dapat memisahkan kita). Ketiga-tiga lirik puitis tersebut di atas lebih kerap kita temui dalam lagu-lagu yang berunsur cinta.





Dalam satu kajian tentang gaya bahasa berkias, Asmah Hj. Omar (2005) mendapatkan bahasa bergaya seperti hiperbola lahir dari hubungan dan keakraban manusia dengan alam sekeliling; bukan sahaja melalui ruang yang luas tetapi juga merentasi zaman. Rosta Harun et. al (2002) juga mendapatkan hampir keseluruhan peradaban tradisional mempunyai ajaran yang menghormati alam serta menanam rasa takut kepada unsur-unsur ghaib yang berada di sebalik penjelmaan zahir benda-benda yang bernyawa dan tidak bernyawa di alam ini.

Mohd Khairi Ariffin (2010) mendapatkan sifat kesopanan dan menghormati suatu yang terbit daripada rasa malu dan segan dalam diri manusia telah menimbulkan satu cara hidup yang tidak suka terlalu berterus terang. Berdasarkan sifat tersebut, mereka mengaitkan unsur alam dan budaya sebagai elemen untuk mendidik dan mendisiplinkan anak-anak. Gaya bahasa hiperbola mempunyai karakter yang kebanyakannya lembut serta bersifat tidak terlalu keras atau terlalu berterus terang. Oleh kerana ia sesuai digunakan untuk mendidik anak-anak malah orang dewasa. Salah satu daripada sebabnya adalah kerana hiperbola tidak mudah menyinggung perasaan orang lain.

Vokal, muzik dan lirik merupakan tiga komponen yang saling melengkapi sebagai elemen penuh dalam sebuah lagu. Selain daripada vokal dan muzik, lirik juga tidak kurang pentingnya. Tri Sulasi (2007) menyatakan lirik bergaya boleh menjadikan sesebuah lagu lebih menarik dan berkesan. Deny Pranata (2012) pula mengungkapkan lirik sebagai suatu gagasan dan perasaan dengan bahasa khas yang sesuai dengan kreativiti dan karakter penulis lirik. Teknik pengungkapan tersebut katanya boleh menimbulkan efek estetika, efek kepuitisan dan efek penciptaan makna.





Dalam satu kajian tentang kepentingan gaya bahasa dalam lirik lagu, Walsh (1909) mendapati hiperbola mempunyai sifat yang berlebih-lebihan dan banyak unsur tokok tambah. Sifat ekstravaganzanya bukan sahaja menjadikan sesebuah lagu lebih unik tetapi memberi kesan yang hebat dan indah. Sebahagian contoh lirik yang bersifat extravaganza adalah *wajahmu bagai bulan purnama, tanpamu aku akan mati* dan *kau jantung hatiku*. Lirik-lirik yang disebutkan merupakan hiperbola lirik yang biasa kita temui dalam lirik lagu pop Iban dan juga lagu-lagu yang lain di dunia ini.

Berdasarkan senario di atas, satu analisis tentang ciri, maksud dan perbezaan antara ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban harus dilakukan. Ini dapat menjadikan hiperbola sebagai elemen penting dan harus ada dalam lirik lagu. Selain daripada itu, orang ramai juga berpeluang jika ingin menambahkan pengetahuan tentang hiperbola dalam kehidupan mereka. Bukan itu sahaja malah mereka juga boleh mengekspresikan apa sahaja niat dan tujuan menggunakan hiperbola untuk menguatkan lagi darjah percakapan mahupun tulisan mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Perkembangan lirik lagu pop Iban seiring dengan penciptaan lagu dan penerbitan album. Semakin ramai komposer baru dan penulis lirik muda yang cukup berbakat dalam menghasilkan lirik kreatif dan bermutu tinggi. Golongan penulis lirik muda ini sebenarnya banyak terdedah kepada skop hiburan yang lebih luas kerana mereka bukan sahaja terdedah kepada muzik tempatan malah muzik luar negeri. Selain memperkenalkan kepelbagaiannya tema, teknik dan genre lagu, mereka juga semakin meneroka cara baru penghasilan lirik seperti menggunakan pelbagai gaya bahasa termasuk gaya bahasa hiperbola. Berkaitan dengan gaya bahasa hiperbola, Reny





Afriani dan Monica Maria (2011) mendapati penggunaan hiperbola dalam merupakan satu cara yang paling baik untuk mengutarakan pemikiran secara pasti dan tepat. Dari segi kesan dan impak, hiperbola juga didapati mampu meningkatkan kepuisian dan daya tarikan lirik sesebuah lagu.

Kepuitisan lirik dapat membuatkan sesebuah lagu menjadi lebih menarik. Lirik puitis biasanya lebih digemari, dihargai, mendapat penghargaan dan juga pengiktirafan ramai. Contoh terbaik penghargaan dan pengiktirafan tersebut adalah apabila Persatuan Artis Dan Pemuzik Dayak (DAMA) mengadakan satu kategori khas iaitu Kategori Lirik Terbaik dalam Anugerah Muzik Dayak (AMD) yang diadakan di Sarawak. Kategori tersebut sebenarnya bertujuan untuk memberi motivasi dan perangsang kepada penulis lirik lama dan baru agar mereka lebih bersemangat untuk menghasilkan lirik yang bermutu tinggi. Anugerah ini secara tidak langsung telah dapat mengangkat imej lirik lagu pop Iban malah Bahasa Iban secara menyeluruh. Pengiktirafan dan anugerah amat besar pengaruhnya kerana ia sering menjadi tumpuan ramai khasnya anak muda yang aktif dalam dunia seni hiburan. Golongan yang ramai ini sangat cepat produktif dalam menghasilkan lirik yang pelbagai teknik, gaya dan citarasa. Perkembangan ini berlaku dari masa ke semasa dan dalam tempuh yang panjang scenario ini telah dapat mengubah landskap industri muzik Iban di Sarawak.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa lirik lagu pop Iban berkembang pesat sejak tahun 90-an. Namun begitu, masih terdapat ruang atau bahagian yang perlu diambilkira dan ditambahbaikan. Ruang tersebut kita anggap sebagai kelompangan yang perlu diberi perhatian dan fokus untuk diubah. Dalam konteks kajian ini, kelompangan yang dimaksudkan merujuk kepada kepuisian lirik lagu pop Iban. Selaras dengan usia industri muzik pop Iban yang masih baru, lirik lagu pop Iban masih berada di tahap lirik mudah dan bukan pada tahap lirik puitis seperti lirik lagu pop Melayu atau





lagu pop Inggeris. Ini adalah kerana ia bergantung kepada tahap ilmu pengetahuan yang ada pada penulis lirik lagu pop Iban. Kenyataan ini bukan bertujuan untuk merendahkan kebolehan mereka tetapi ini adalah hakikat di mana lagu dan muzik terlebih dahulu bertapak di luar negeri sebelum bertapak di Sarawak.

Lirik puitis mempunyai pelbagai erti dan juga definisi. Dalam konteks kajian ini puitis bermaksud sesuatu hal yang indah dan suatu sifat yang melekat pada karya puisi. Ia adalah bentuk bahasa yang dapat menimbulkan sesuatu yang estetik kerana ia dipilih dan disusun dengan cermat, memiliki irama, matra (struktur rentak) dan rimanya terdengar dengan indah. Bila diucapkan ia memerlukan teknik tekanan suara tertentu sehingga menimbulkan emosi yang mengasyikkan. Lirik puitis juga lebih berkesan dan lebih terasa di hati apabila dipersembahkan secara langsung (*live*) di pentas mahupun tak langsung seperti melalui radio, *Youtube* atau saluran hiburan



Dalam industri muzik di Sarawak, isu kepuitisan lirik lagu pop Iban dikaitkan dengan beberapa perkara seperti tahap pengetahuan penulis lirik khasnya dari segi bahasa Iban standard. Selain daripada itu, isu kepuitisan juga dikaitkan bahan kajian ilmiah yang sedia ada sebagai rujukan para penulis atau pengkaji. Kurangnya rujukan atau maklumat yang relevan serta berkaitan secara langsung juga telah menyukarkan sebarang usaha untuk menambahbaik bahasa lirik lagu yang dicipta. Jika masalah ini tidak diatasi dengan cepat, ia akan memberi kesan dan impak yang buruk kepada lirik lagu pop Iban dan industri muzik Iban di Sarawak.





1.4 Objektif Kajian

Objektif am kajian ini ialah menganalisis gaya bahasa hiperbola manakala objektif spesifiknya adalah:

- i) Mengenalpasti ciri hiperbola lirik lagu pop Iban. Menganalisis unsur yang membentuk maksud hiperbola lirik lagu pop Iban.
- ii) Menyatakan perbezaan ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban era 70-an hingga abad ke-21.

1.5 Soalan Kajian

Objektif kajian di atas dirangka khas untuk menjawab soalan-soalan berikut:



- i) Apakah ciri hiperbola lirik lagu pop Iban?
- ii) Bagaimanakah unsur yang membentuk maksud hiperbola lirik lagu pop Iban?
- iii) Apakah perbezaan ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban era 70-an hingga abad ke-21?

1.6 Kepentingan Kajian

Analisis ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban ini merupakan satu kajian baru dalam industri muzik Iban di Sarawak. Ia seolah-olah membuka jalan dan ruang, memberi idea khasnya kepada pengkaji baru untuk menjalankan penyelidikan terhadap lagu Iban. Kajian ini penting kerana ia dapat membawa Bahasa Iban ke satu tahap baru sebagai bahasa ilmu sebaris dengan bahasa-bahasa lain di rantau ini.





Bahasa Iban berkembang seiring dengan perkembangan lagu pop Iban khasnya melalui lirik. Selain masyarakat Iban di Sarawak, lagu pop Iban juga boleh didengar oleh penduduk di rantau ini seperti di Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina malah di seluruh dunia melalui internet khasnya di saluran *Youtube*. Keadaan ini bukan sahaja telah memartabatkan Bahasa Iban malah ia juga turut memperkenalkan budaya hidup masyarakat Iban itu sendiri.

Walaupun kajian ini mengkaji lirik lagu pop Iban, tidak bermakna penggunaannya terhad untuk orang Iban sahaja. Ia boleh diguna dan dimanfaatkan oleh banyak pihak baik dari dalam maupun luar negeri asalkan mereka boleh memahami Bahasa Malaysia. Terdapat beberapa golongan yang mendapat faedah baik secara langsung maupun tidak langsung daripada kajian ini. Antaranya termasuklah golongan pembaca, pengamal dan penyelidik. Tiga golongan ini merupakan kumpulan yang paling memerlukan dan kerap menggunakan. Bagi golongan-golongan lain yang tidak disebutkan di atas juga boleh memanfaatkan kajian ini dengan cara mereka sendiri pada bila-bila masa yang dirancang maupun tidak dirancang.

Golongan pembaca terdiri daripada para pelajar dan cendiakawan. Mereka memerlukan kajian ini sebagai bahan rujukan apabila mereka ingin menambahkan pengetahuan mereka tentang lagu pop Iban. Melalui bacaan juga mereka dapat memperolehi informasi dan maklumat berguna yang berkaitan dengan gaya bahasa hiperbola khasnya ciri, maksud dan perbezaan antara ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban. Dengan adanya teknologi moden yang boleh diakses di seluruh dunia selagi ada jaringan internet, lagu pop Iban semakin dekat dengan semua orang. Scenario ini memberi kemudahan kepada sesiapa sahaja yang ingin tahu tentang lagu pop Iban dari Sarawak.





Golongan kedua adalah golongan pengamal. Golongan ini merupakan golongan yang terlibat secara langsung dalam industri hiburan. Mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah penulis lirik, penulis skrip, penulis buku dan sebagainya. Penulis lirik lagu terlibat secara langsung dengan kajian ini apabila mereka memilih gaya bahasa hiperbola lirik dalam lagu yang mereka cipta. Bagi penulis skrip dan pengarang buku pula boleh memanfaatkan kajian ini sebagai panduan dan rujukan tambahan kepada karya atau tulisan mereka. Pendek kata, hasil kajian ini dapat memudahkan rujukan dan pencarian maklumat khususnya yang berkaitan dengan gaya bahasa hiperbola.

Selain golongan pembaca dan pengamal, kajian ini juga penting untuk golongan penyelidik. Mereka boleh menggunakan kajian ini sebagai bahan rujukan utama kepada kajian yang mereka jalankan. Mereka bukan sahaja dapat mengetahui tentang ciri, maksud atau perbezaan antara ciri dan maksud hiperbola malah mereka juga dapat tahu tentang perkembangan muzik, lagu, bahasa dan budaya masyarakat Iban secara menyeluruh.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini mengkaji 40 lirik lagu pop Iban era 70-an hingga abad ke-21. Pemilihan lagu tersebut adalah berdasarkan popularitinya di radio khususnya daripada beberapa buah rancangan hiburan seperti *Lagu Peminta Minggu Tu* (Lagu Permintaan Minggu Ini), *Carta Lagu Tebilang Iban Mirifm* (Carta Lagu Popular Iban Mirifm) dan *Carta Sapa Juara* (Carta Siapa Juara) Waifm Kuching. Kebanyakan lagu-lagu tersebut merupakan ciptaan tempatan namun ada juga lagu saduran daripada lagu pop Inggeris, pop Melayu Malaysia-Indonesia, Hindustan dan sebagainya.





Kajian ini memberi fokus kepada 10 buah lagu dalam setiap era iaitu era 70-an, 80-an, 90-an dan abad ke-21. Kaedah pemilihannya berdasarkan sampel “snow ball” dengan konsep persampelan bukan kebarangkalian (bukan secara rawak). Rasional sampel “snow ball” ini digunakan adalah kerana kajian ini hanya memilih lagu yang popular yang dijangka dapat membawa impak atau input kajian yang lebih besar terhadap kajian. Saiz sampel ini mungkin nampak kecil tetapi setiap lagu yang dipilih merupakan lagu kesukaan ramai. Oleh kerana itu, ia dijangka dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang hiperbola lirik lagu pop Iban.

Kajian analisis ciri dan maksud hiperbola lirik ini tidak melibatkan kerja-kerja lapangan kerana transkrip lirik yang menjadi sumber data telah diperolehi terlebih awal daripada koleksi buku lagu, CD, VCD dan *Youtube*. Oleh kerana itu, kajian ini hanya melibatkan dua senarai semak iaitu senarai semak yang pertama untuk merekodkan hasil analisis ciri serta unsur tersiratnya. Senarai semak yang kedua pula adalah untuk merekodkan hasil analisis maksud serta unsur tersiratnya. Setiap era yang mengandungi sepuluh transkrip lirik akan disediakan dengan satu set senarai semak bagi kedua-dua objektif kajian. Ini bererti kajian ini ada lapan set senarai semak di mana empat set untuk analisis ciri dan empat set untuk analisis maksud.

Dari segi penganalisaan data, kajian ini menganalisis tiga perkara utama iaitu ciri hiperbola, unsur membentuk maksud hiperbola dan perbezaan antara ciri dan maksud hiperbola lirik. Untuk mendapatkan data bagi ciri dan maksud, kajian ini merujuk kepada transkrip 40 lirik lagu pop Iban yang telah disusun mengikut era. Walaupun begitu, bagi mendapatkan data perbezaan antara ciri dan maksud hiperbola lirik, kajian ini berpandukan analisis data daripada senarai semak yang pertama dan senarai semak yang kedua. Ini bermaksud untuk mendapatkan jawapan bagi soalan kajian yang ketiga, kajian ini tidak memerlukan senarai lagu yang berasingan kerana





generalisasi jawapan boleh dibuat berdasarkan fenomena data yang terdapat pada kedua-dua senarai semak yang sedia ada.

1.8 Definisi Operasional

Kajian ini menggunakan beberapa istilah atau terminologi penting yang ditulis secara konseptual dan operasional. 11 terminologi tersebut adalah analisis, hiperbola, *jaku kelangkung*, gaya bahasa, maksud, pop, retorika, lirik, sifat, ukuran dan jumlah.

1.8.1 Analisis

Abdul Razak Habib et. al. (2007) mendefinisikan analisis sebagai satu aktiviti dan proses mengutip serta menyusun data dalam bentuk, kategori dan unit deskriptif asas. Terdapat lima langkah proses penganalisaan data iaitu tahap pra-analisis, tahap kemasan, tahap pameran, tahap verifikasi dan tahap dapatan. Dalam konteks kajian ini, analisis dilakukan ke atas ciri, maksud serta unsur-unsur tersirat dalam hiperbola lirik empat puluh lagu pop Iban.

1.8.2 Maksud

Maksud dertiakan sebagai makna, tujuan, niat atau kehendak. Mohd. Rasdi Saamah (2011) mengaitkan pembentukan maksud terlibat dengan objek atau unsur-unsur yang terdapat pada alam semulajadi. Dalam konteks lirik lagu pop Iban, maksud merujuk





kepada istilah atau frasa baru yang terhasil daripada gabungan antara objek dan unsur yang terdapat pada alam semulajadi dan budaya hidup manusia.

1.8.3 Hiperbola

Menurut Ermawati Zulikhatin Nuroh (2011), hiperbola mempunyai sifat yang cenderung untuk membesar-besarkan sesuatu perkara secara berlebihan atau melampau walhal kebenarannya belum dapat dipastikan malah sukar dipercayai. Dalam konteks kajian ini, hiperbola merujuk kepada hiperbola lirik lagu pop Iban era 70-an hingga abad ke-21.



1.8.4 *Jaku Kelangkung*



Dalam *Bup Sereba Reti Jaku Iban, jaku kelangkung* bermaksud *nambah enggau ngemesaika cherita* (menambah dan membesar-besarkan suatu cerita) dengan niat dan tujuan tertentu. Menurut kamus ini lagi, tujuan tertentu membawa dua maksud berkontra iaitu positif dan negatif. Kamus Bahasa Iban–Bahasa Malaysia pula menyatakan *jaku kelangkung* sebagai menambah atau mempelbagaikan sesuatu kenyataan. Ia turut menyanjung dan memuji dengan harapan orang suka mendengar sanjungan dan pujian tersebut. Sanjungan dan pujian tersebut selalunya ada niatnya yang tersendiri.





1.8.5 Gaya Bahasa

Rahmat Djoko Pradopo (1987) mendefinisikan gaya bahasa sebagai susunan perkataan yang wujud daripada perasaan penulis yang menimbulkan suatu perasaan tertentu dalam hati pembaca. Gaya bahasa ibarat perencah, pelazat rasa atau sebagai ramuan untuk menyedapkan lagi sesuatu makanan. Dalam konteks bahasa ia merangkumi perkataan, ikatan ayat, jalan bahasa, corak, susunan ataupun bentuk pembahasaannya. Dalam kajian ini gaya bahasa merujuk kepada gaya bahasa hiperbola dalam lirik lagu pop Iban.

1.8.6 Muzik pop

Richard (1990) menyatakan muzik pop terdapat dalam jumlah yang banyak dengan peminatnya yang ramai. Ia menjadi komoditi besar lagi menguntungkan dalam sesebuah masyarakat ataupun komuniti. Dalam konteks kajian ini muzik adalah lagu bervokal dengan Bahasa Iban sebagai bahasa penyampaiannya. Lagu pop Iban yang menjadi kegemaran ramai disiarkan melalui beberapa rancangan dan program hiburan stesen radio Iban di Sarawak.

1.8.7 Retorika

Retorika ialah perihal menulis atau berucap menggunakan bahasa yang indah, berbunga dan bombastik. Hiperbola merupakan satu daripada contoh kata retorika dalam kategori bahasa bergaya. Reny Afriani dan Monica Maria (2011) menyatakan penggunaan teknik retorika hiperbola mampu menghasilkan efek yang terbaik serta





rangsangan indah kerana ia mampu meningkatkan perasaan tertentu. Ia dapat menarik minat orang ramai khasnya golongan pembaca. Retorika dalam kajian ini merujuk kepada gaya bahasa hiperbola dalam empat puluh lirik lagu pop Iban.

1.8.8 Lirik

Terdapat banyak definisi tentang lirik. Herman J. Waluyo (1987) mendefinisikan lirik sebagai satu bentuk karya sastera yang mengungkapkan fikiran dan perasaan penulis secara imaginatif. Ia disusun dengan mengumpulkan semua kekuatan bahasa pada struktur fizikal dan batinnya. Lirik dalam kajian ini merujuk kepada empat puluh transkrip lirik lagu pop Iban era 70-an hingga abad ke-21.



1.8.9 Sifat

Rusli Abdul Ghani et. al. (2002) mendefinisikan ciri sebagai sifat yang khusus pada suatu benda. Ia membezakan satu benda dengan benda yang lain. Dalam konteks kajian ini, sifat merujuk kepada keadaan, rupa benda (benda hidup dan bukan hidup) yang dapat digambarkan dalam lirik lagu pop Iban khasnya dalam unsur-unsur tersirat ciri dan maksud.

1.8.10 Ukuran

Ukuran ialah satuan atau unit kiraan untuk mengukur atau menyukat. Ia boleh diertikan sebagai perolehan daripada mengukur. Dalam konteks kajian ini, ukuran merujuk





kepada jarak masa atau baris lirik yang ada kaitan dengan sesuatu ukuran atau sukatana.

1.8.11 Jumlah

Jumlah adalah campuran daripada beberapa bilangan menjadi satu bilangan besar. Dalam konteks kajian ini, ciri dibahagikan kepada dua iaitu ciri dari segi konteks masa dan ciri dari segi konteks jarak. Contoh ciri jumlah dalam konteks masa dalam lirik lagu pop Iban adalah *seribu taun aku nganti* (seribu tahun ku menunggu) manakala contoh hiperbola lirik dalam ciri jumlah ialah *biar beribu batu aku ngiga nuan* (biar seribu batu aku mencarimu).



1.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan tentang definisi lagu pop dan pendoroniasianya di persada muzik global. Kemunculan lagu pop Iban pada penghujung tahun 50-an di Sarawak telah mewujudkan satu entiti baru dalam industri muzik Malaysia. Objektif dan persoalan utama kajian ini dibuat berdasarkan ciri dan maksud serta unsur-unsur tersirat yang ada di dalamnya. Sebenarnya unsur-unsur tersirat ciri dan maksud menjadi subjek dan sumber utama dalam penghasilan lirik lagu pop Iban. Tahap penggunaan yang belum begitu ditekankan atau meluas menjadi satu kelompongan. Ini adalah kerana ia berkait secara langsung dengan kepuitisan lirik lagu pop Iban. Kelompangan yang menjadi permasalahan utama dalam kajian berkait dengan ciri, maksud dan perbezaan antara ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban. Ia merujuk





kepada kepuitan lirik dengan penglibatan gaya bahasa hiperbola khususnya unsur-unsur tersirat yang ada.

Skop kajian ini dihadkan kepada 40 lirik lagu pop Iban yang diterbitkan dari tahun 70-an hingga abad ke-21. Pemilihan 40 lagu tersebut berdasarkan popularitinya di radio. Terdapat beberapa istilah penting yang diterangkan secara konseptual dan operasional sebagai memantapkan lagi pengertian terhadap beberapa terminologi utama yang digunakan di sepanjang kajian. Bab seterusnya ialah Bab 2 iaitu Tinjauan Literatur yang akan mengkaji, meneliti dan merungkai beberapa kajian atau tinjauan lepas dari dalam dan luar negeri. Kajian tersebut ada yang berkaitan secara langsung dan ada juga yang tidak secara langsung dengan ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban.

